



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 11/2024**



**RUMAH TANGGA YANG BAHAGIA**  
**8 NOVEMBER 2024 \ 6 JAMADILAWAL 1446H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
 سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
 وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
 أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat Yang berbahagia,**



Perkahwinan ialah akad pernikahan yang menghalalkan pergaulan di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram bagi mendapatkan kebahagiaan, melahirkan zuriat dan keturunan. Firman Allah Ta'ala dalam surah al Rum ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

**Yang bermaksud:** “Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya) bahawa Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.”

### **Sidang Jumaat Yang Dimulikan**

Kunci utama kebahagiaan rumahtangga ialah memilih pasangan hidup yang kuat pegangan agama dan berakhlak mulia. Pasangan suami isteri yang kuat agama sudah tentulah mempunyai iman yang kuat dan sentiasa beramal saleh. Rumah tangga seperti ini akan dilimpahi oleh Allah Ta'ala dengan kebahagiaan yang berpanjangan. Allah Ta'ala berfirman dalam surah An-Nahl ayat 97:



مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْتَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً  
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

**Yang bermaksud:** “Sesiapa yang beramal salih daripada lelaki atau wanita, sedangkan dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan.”

Memilih pasangan daripada keluarga yang baik serta mulia, adalah juga merupakan suatu yang penting. Keluarga yang baik sentiasa mentarbiah anak-anak supaya menjadi insan yang terbaik, menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang haram, mungkar dan maksiat, supaya akan lahir zuriat dan keturunan yang baik. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah:

تَخَيَّرُوا لِنُطْفِكُمْ فَإِنَّ الْعِرْقَ دَسَّاسٌ

**Yang bermaksud:** “Pilihlah tempat untuk air mani kamu, kerana sesungguhnya keturunan itu kuat pengaruhnya.”

Syariat Islam juga menyarankan memilih pasangan yang mempunyai paras rupa dan cantik sebolehnya belum pernah berkahwin (anak dara). Mereka yang belum pernah berkahwin biasanya memiliki perasaan cinta yang mendalam dan suci terhadap orang pertama menjadi suaminya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:



**Yang bermaksud:** *“Alangkah baiknya isteri kamu itu seorang anak dara yang engkau dapat bergurau-gurauan dengannya dan dia dapat bergurau-gurauan denganmu.”*

### **Sidang Jumaat Yang Dikasihi**

Walaupun Syariat Islam menyarankan supaya memilih pasangan yang sekufu, sama taraf dan setara, namun segala-galanya terletak kepada keredaan pasangan dan keluarga masing-masing. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berkahwin dengan Saidatina Khadijah, usia Baginda ketika itu 25 tahun, sedangkan Saidatina Khadijah berusia 40 tahun. Begitu juga pernikahan Saidina Zubir bin Awwam sahabat Nabi yang miskin bernikah dengan Asma' binti Abu Bakar As Siddiq, sahabat Nabi yang kaya raya.

Oleh itu janganlah kerana kemiskinan menjadi halangan untuk seseorang berkahwin. Perkahwinan boleh menghindarkan seseorang daripada melakukan maksiat dan penzinaan. Galakan mencari pasangan yang berharta hanyalah untuk memudahkan kehidupan pasangan berumah tangga manakala perkahwinan dengan pasangan yang kurang berada, semoga Allah Subhanahu wa Taala memberkati perkahwinan dan menambahkan rezeki mereka.

Syariat Islam juga menyarankan supaya memilih pasangan yang subur bagi melahirkan zuriat dan keturunan yang ramai. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berbangga dengan umatnya yang ramai.



Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayakan oleh Abu Daud:

تَزَوَّجُوا الْوُلُودَ الْوُدُودَ فَإِنِّي مُكَاثِرٌ بِكُمْ الْأُمَّمَ

**Yang bermaksud:** *“Kahwinlah wanita-wanita yang banyak melahirkan anak dan penyayang. Kerana sesungguhnya aku berbangga mempunyai ramai umat.”*

### **Sidang Jumaat Yang Mulia,**

Sekiranya berlaku pergeseran dalam rumahtangga, suami isteri hendaklah bersabar dan cuba menyelesaikannya secara perbincangan bersama. Jika masih tidak boleh diselesaikan, dapatkanlah bantuan pihak ketiga seperti kedua ibu bapa masing-masing, kaunselor atau khidmat nasihat di pejabat agama. Sentiasalah bersabar dan tenang. Janganlah berkongsi masalah dalam media sosial kerana perbuatan tersebut boleh mengaibkan pasangan dan keluarga. Jauhkanlah daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mencetuskan perceraian.

Mengikut rekod pernikahan dan perceraian di negeri Pahang antara tahun 2022 hingga tahun 2023 adalah seperti berikut; Pada tahun 2022 jumlah yang berkahwin di negeri Pahang adalah seramai 13,811 orang, sementara yang bercerai pada tahun yang sama seramai 3,145 orang mewakili 22 peratus daripada jumlah perkahwinan. Peratusan tersebut meningkat ke 27 peratus pada tahun 2023. Adalah diharapkan pada tahun 2024 ini jumlah mereka yang berkahwin akan naik dari tahun-tahun



sebelumnya, dan jumlah yang bercerai pula akan lebih menurun. Angka ini menunjukkan kepada kita bahawa usaha bagi mencari kebahagiaan rumahtangga adalah sesuatu yang penting untuk memastikan keharmonian masyarakat Islam di negeri Pahang yang kita cintai.

Kesimpulannya, untuk mendapatkan kebahagiaan rumahtangga, pilihlah pasangan yang kuat pegangan agamanya dan berakhlak mulia, serta daripada keluarga yang baik. Bagi pasangan suami isteri hendaklah sentiasa berusaha menjaga keharmonian rumahtangga tanpa mengira status sosial mereka miskin atau kaya. Sekiranya berlaku pergeseran, hendaklah dibawa berbincang bagi menyelesaikannya agar tidak membawa kepada perceraian.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ

وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

**Yang bermaksud:** “Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata : Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penenang hati kami, dan jadikanlah kami pemimpin ikutan bagi orang yang bertakwa.”



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.